

PUSPEKA AGIH 350 BUBUR LAMBUK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3546-puspeka-agih-350-bubur-lambuk



SUBANG, 6 Jun 18 - Pegawai dan Anggota serta Kakitangan Pusat Perkhidmatan Kejuruteraan Aerospace TUDM (PUSPEKA) yang terletak di Pangkalan Udara Subang tidak melepaskan peluang meneruskan tradisi aktiviti gotong-royong memasak bubur lambuk sekali gus memeriahkan sambutan Ramadhan tahun ini.

Objektif penganjuran Program yang di namakan "Santai Bubur Lambuk PUSPEKA 2.0" ini adalah untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadhan dan di samping itu ianya bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim antara anggota PUSPEKA.



Sebanyak 350 bungkus bubur lambuk telah diagihkan kepada anggota dan kakitangan awam PUSPEKA, dan ianya juga telah di agihkan kepada rumah anak yatim Kasih Bestari Kampung Melayu Subang dan Drive thru orang ramai di hadapan pintu masuk PUSPEKA.

Program ini telah di sempurnakan oleh Pengarah PUSPEKA, Kol Aznor bin Mohd Ghazali TUDM dan telah mendapat sokongan daripada pelbagai pihak baik dari segi bantuan tenaga kerja. Beliau berharap semoga program ini akan di teruskan pada tahun-tahun akan datang.